

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 JULAI 2024  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 22

## Ekonomi Selangor sumbang 25.9% KDNK tahun lalu

**Kuala Lumpur:** Pertumbuhan ekonomi Selangor pada tahun lalu menyakikan negeri itu menerajui sumbangan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, sebanyak 25.9 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata ia diikuti Kuala Lumpur (15.9 peratus), Johor (9.5), Sarawak (9.1 peratus), Pulau Pinang (7.4 peratus) dan Sabah (5.3 peratus)

"Enam negeri ini menyumbang 73.0 peratus kepada ekonomi nasional pada 2023 berbanding 72.9 peratus pada 2022.

"Pada 2023, ekonomi Malaysia berkembang sederhana sebanyak 3.6 peratus, namun semua negeri mencatatkan pertumbuhan positif yang menggalakkan," katanya ketika sesi Pembentangan serta Soal Jawab Berkenaan Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) KDNK Mengikut Negeri, 2023, secara dalam talian, semalam.

Beliau berkata bagi prestasi ekonomi mengikut ne-

## Ekonomi Selangor sumbang 25.9% KDNK tahun lalu



“  
Enam negeri ini  
sumbang 73.0  
peratus kepada  
ekonomi nasional  
pada 2023  
Mohd Uzir

geri pada 2023, empat negeri mengatasi perumbuhan di peringkat nasional iaitu Selangor yang berkembang 5.4 peratus, Pahang 5.2 peratus, Johor 4.1 peratus dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 3.7 peratus.

Katanya prestasi ekonomi Selangor, Pahang dan Johor dipacu oleh sektor

perkhidmatan dan sektor pembuatan.

"Bagi Selangor dan Johor, sektor perkhidmatan berkembang masing-masing 6.1 peratus dan 5.4 peratus didorong pertumbuhan subsektor utiliti, pengangkutan dan penyimpanan dan maklumat dan komunikasi.

"Sementara itu, bagi Pahang, pengembangan sektor ini sebanyak enam peratus disokong oleh perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman dan penginapan," katanya.

Mohd Uzir berkata pengembangan sektor pembuatan sebanyak dua peratus di Selangor pula disebabkan pertumbuhan

subsektor peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan (6.2 peratus) serta produk minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan dan pemprosesan makanan (10.3 peratus).

Bagi Johor, sektor pembuatannya meningkat 2.8 peratus didorong pertumbuhan produk elektrik, elektronik dan optikal (2.9 peratus) manakala di Pahang, pertumbuhan 6.7 peratus bagi produk petroleum, kimia, getah dan plastik telah menyumbang kenaikan 2.1 peratus bagi sektor pembuatan negeri ini, kata beliau.

"Sementara itu, pengembangan ekonomi Kuala Lumpur dipacu oleh sektor perkhidmatan yang bertumbuh 4.9 peratus, disokong perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman dan penginapan," katanya.